

08/10/1997

Menteri usah layan media asing

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno hari ini mendesak semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional, khususnya menteri-menteri Kabinet, tidak lagi melayani sebarang temu ramah dengan media asing buat sementara waktu.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat khas ekonomi pergerakan itu hari ini, yang dipengerusikan oleh Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berikutan masalah penurunan nilai ringgit dan pasaran saham.

Ahmad Zahid memberitahu pemberita di lobi Parlimen petang ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mahu semua media tempatan tidak terikut-ikut rentak akhbar asing seperti memetik kembali kenyataan mereka, yang jelas mempunyai agenda tersembunyi.

Menurutnya, pandangan Perdana Menteri itu disampaikan kepadanya ketika mengetuai sekumpulan pemimpin pergerakan itu menyerahkan memorandum sokongan Pemuda terhadap kepemimpinan Dr Mahathir, di Sri Perdana, petang ini.

Ahmad Zahid berkata, Perdana Menteri juga memberitahu Pemuda Umno bahawa sokongan padu rakyat kepada beliau perlu juga ditujukan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri supaya cubaan melagakan mereka berdua tidak berhasil.

"Dr Mahathir bimbang perbuatan media asing mengadu-domba beliau dengan Anwar akan berjaya jika rakyat hanya menyatakan sokongan padu kepadanya tetapi tidak kepada Anwar.

"Perdana Menteri tidak mahu ada pihak beranggapan sokongan kepadanya bermakna tiada sokongan bagi Timbalan Perdana Menteri," kata Ahmad Zahid.

Perdana Menteri juga meminta Pemuda Umno mengambil langkah proaktif bagi menghentikan segala tindakan media asing yang mahu masuk campur dalam politik tempatan.

"Dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, pemimpin dipilih oleh rakyat dan kerana itu, media asing tidak mempunyai hak untuk masuk campur politik negara ini," kata Ahmad Zahid.

Sementara itu, mesyuarat khas ekonomi Pemuda Umno yang turut dihadiri Timbalan Ketuanya, Datuk Hishamuddin Hussein, Penolong Bendahari, Mokhzani Mahathir dan Penolong Setiausahanya, Saifuddin Nasution pagi ini, juga menggariskan lima perkara untuk menangani masalah kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

(END)